

84 Kor Sispa UMS perkasa kemahiran melalui Kursus Metodologi Kejurulatihan

UB 19.2.2019 B6

KOTA KINABALU: Seramai 84 pegawai kadet Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (Kor Sispa) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menyertai Kursus Metodologi Kejurulatihan dan Bakal Pegawai Siri Khas 2019 yang berlangsung di kampus universiti itu.

Kursus yang berlangsung selama enam hari itu antara lain bagi memberikan latihan asas kepada pelajar agar mempunyai kebolehan diri sebagai pegawai kadet yang baik dan sebagai staf muda

bagi Piswa (Pasukan Institusi Pertahanan Awam) ataupun Leftenan Muda bagi Sispa yang mempunyai kemahiran secukupnya sebelum ditauliahkan.

“Kursus ini juga bertujuan memastikan pegawai kadet Kor Sispa yang terlibat mempunyai sijil asas metodologi kejurulatihan bagi menepati syarat untuk ditauliahkan,” demikian menurut satu kenyataan daripada Kor Sispa UMS.

Kenyataan itu turut menjelaskan pelajar


didedahkan dengan pelbagai ilmu dan kemahiran yang terdapat dalam Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) sepanjang kursus berlangsung.

Antaranya, pengurusan majlis rasmi, sahsiah dan etika seorang pegawai APM, dan pengucapan awam yang berkesan, selain sesi latihan kawad yang dikendalikan oleh jurulatih Kor Sispa.

Peserta turut berpeluang mengasah kemahiran menangani krisis melalui satu sesi pengajaran yang

menyaksikan peserta diberikan situasi krisis dalam sebuah organisasi yang memerlukan mereka mengendalikan masalah krisis itu dengan tindakan rasional dan sifat kepimpinan.

Pada akhir kursus itu, Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Negeri Sabah Kol (PA) Kamal Mokhtar telah menyempurnakan majlis perasmian penutupan kursus itu, yang turut dihadiri Timbalan Komandan Kor Sispa UMS Kol Bersekutu (PA) Dr Nizam Nazaruddin.



PARA pegawai kadet Kor Sispa UMS merakamkan gambar kenangan.